

16 OCT 1999

Ling-Calon

SENARAI CALON MCA DI PERINGKAT AKHIR, KATA DR LING

BENTONG, 16 Okt (Bernama) -- Senarai calon MCA untuk pilihan raya umum akan datang kini di peringkat akhir, kata Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Sekarang ia (senarai calon) di tahap 99 peratus. Saya masih perlu menghantar senarai itu kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mendapatkan kelulusan beliau terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bengkel Pilihan Raya MCA di Selesa Hill Homes Golf Resort, Bukit Tinggi dekat sini hari ini.

Mengenai laporan mengenai menteri dan timbalan menteri daripada parti itu yang tidak akan dicalonkan semula, Dr Ling berkata mereka secara sukarela hendak bersara tetapi beliau tidak mengulas lanjut.

"Awak akan tahu kemudian (dalam senarai terakhir)," katanya.

Mengenai pakatan yang ditubuhkan oleh parti-parti pembangkang, PAS, DAP, PRM dan Keadilan, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata pakatan itu tidak akan kekal lama kerana mereka tidak menunjukkan persefahaman yang baik.

"Perbezaan antara BN dan pakatan pembangkang ialah BN sentiasa berbincang sebelum sesuatu undang-undang itu dibentangkan dan sekiranya undang-undang itu tidak membawa kebaikan kepada semua kaum, ia tidak akan dibentangkan.

"Lain dengan pembangkang, mereka buat sesuatu tanpa berbincang," katanya.

Semalam Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang sekali lagi menyatakan DAP tidak akan menyokong usul pelaksanaan undang-undang murtad yang boleh membawa hukuman mati oleh Timbalan Presiden PAS Abdul Hadi Awang yang juga Ahli Parlimen Marang bagi kali kedua ke Parlimen pada sidang minggu depan.

Lim berkata DAP menolak penubuhan kerajaan Islam di negara ini dan menegaskan bahawa kerjasama parti itu dengan PAS hanya membabitkan soal memulihkan keadilan, demokrasi dan mewujudkan kerajaan berwibawa.

Dr Ling berkata ketidaksepakatan parti-parti pembangkang jelas dan mereka tidak mampu membawa kebaikan kepada semua kaum.

Yang turut hadir pada bengkel itu ialah dua Naib Presiden MCA Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Ong Ka Ting.

-- BERNAMA

APG LAT